

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Kecemerlangan Pentadbiran DASAR DAN AMALAN DALAM ISLAM

Pengantar Oleh
A. B. Duro, Dr. Muzafar Yusoff, Naim



INSTITUT TADRIS DAN PENGAJARAN ISLAM
MALAYSIA

KANDUNGAN

| | MUKA SURAT |
|---|---------------|
| <i>Penghargaan</i> | III |
| <i>Pengantar ..</i> | VII |
| BAHAGIAN I | |
| Falsafah Pentadbiran dan Pengurusan | |
| Surat Saidina Ali Kepada Malik Al-Ashtar, Gabenor Mesir .. | 3 |
| 2. Manusia dan Dunia— <i>oleh</i> Datuk Haji Muhammad Noor Ibrahim | 14 |
| 3. Pendekatan Tauhid Dalam Pengurusan Dan Pentadbiran Awam: Konsep, Prinsip dan Model Alternatif— <i>oleh</i> Mohd. Affandi Hassan | 26 |
| BAHAGIAN II | |
| Prinsip dan Amalan Pentadbiran | |
| 4. Al-Syura: Konsep dan Penerapannya dalam Organisasi dan Pentadbiran— <i>oleh</i> Dr Abdullah Alwi Haji Hassan | 75 |
| 5. Kepimpinan Menurut Pandangan Islam— <i>oleh</i> Mohd. Amin Salih | 96 |
| 6. Komunikasi Kepimpinan Dari Perspektif Islam— <i>oleh</i> Dr Mohd. Yusof Hussain | 115 |
| BAHAGIAN III | |
| Mencapai Kecemerlangan Dalam Pentadbiran | |
| 7. Budaya Kerja Bersepadu— <i>oleh</i> Dr Wan Mohd. Noor Wan Daud | |
| 8. Nilai Pekerjaan Dalam Islam— <i>oleh</i> Prof. Dr Ismail Haji Ibrahim | |
| 9. Mewujudkan Perkhidmatan Yang Bersih— <i>oleh</i> Abdul Ghani Samsudin | 141 |
| BAHAGIAN IV | |
| Penyelesaian Islam Dalam Pentadbiran | |
| 10. Peranan Akhlak Dalam Pengurusan Ekonomi dan Kewangan— <i>oleh</i> Prof. Dr Syed Othman al-Habshi | 151 |
| 11. Konflik Organisasi: Pandangan dan Penyelesaian Mengikut Alternatif Islam— <i>oleh</i> Dr Haji Mohd. Shahr bin Sidek | 165 |
| 12. Islam Asas Pembangunan— <i>oleh</i> Prof. Dr Muhammad Kamal Hassan | 183 |

ISLAM ASAS PEMBANGUNAN

oleh

Prof. Dr Muhammad Kamal Hassan

Telah menjadi nyata kerosakan di darat dan di laut disebabkan oleh perbuatan tangan manusia, supaya dengan itu Allah menjadikan mereka merasakan sebahagian dari akibat perbuatan mereka, agar mereka kembali ke jalan yang benar. (S. Al-Rum: 41)

Pendahuluan

Ketika sidang kemuncak Utara-Selatan yang diwakili oleh 22 negara berlangsung di Cancun, Mexico, pada bulan Oktober, 1981, sebuah majalah Jerman memuatkan satu karikatur yang sungguh menarik. Dilukiskan sebuah pulau di angkasa yang mewakili pulau Cancun. Di atas pulau itu pemimpin-pemimpin dunia sedang berbincang dengan bersemangat di atas kerusi-kerusi empuk di kelilingi oleh makanan dan minuman yang enak-enak belaka. Sedang di bawah pulau itu, iaitu di bumi yang nyata, kelihatan seorang fakir yang tidak berupaya lagi untuk berdiri kerana kelaparan. Di depannya ialah sebatang tulang kering dan sebuah mangkuk yang kosong. Di belakangnya kelihatan tiga ekor burung gagak yang juga sedang kelaparan. Gambaran kemelaratan itu melambangkan keadaan di Dunia Ketiga. Karikatur itu dengan jelas menunjukkan dilema pembangunan hari ini. Kemewahan dan pembaziran di kalangan segelintir manusia yang berkuasa di samping kemelaratan dan kesengsaraan di kalangan rakyat bawahan.

Dasawarsa 1971-1980 yang digelar oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (P.B.B.) sebagai *Dasawarsa Pembangunan Kedua* telah pun berakhir tanpa mencapai matlamat meninggikan taraf ekonomi negara-negara yang *sedang membangun*. Di awal tahun 80-an banyak negara Dunia Ketiga—dan ramai manusia dalam tiap-tiap negara itu sedang berada dalam keadaan yang lebih buruk dari keadaan sepuluh tahun dahulu. (Lihat majalah *DSE: Jerman Foundation for International Development*, No. 4, 1981, h. 31). Menyedari hakikat inilah maka P.B.B. telah memilih satu strategi pembangunan baru untuk *Dasawarsa Pembangunan Ketiga* yang menekankan pemenuhan keperluan-keperluan asas dan bantuan kepada negara-negara yang dipanggil *least developed countries* (LDCS).

Telah ternyata dalam tahun-tahun 70-an bahawa strategi pembangunan yang diorientasikan ke arah pertumbuhan ekonomi telah dapat menyelesaikan masalah kemiskinan di negara-negara yang *sedang membangun*. Kajian-kajian telah menunjukkan bahawa negara-negara yang sedang membangun telah mencapai kadar pertumbuhan tahunan (GNK) yang tinggi tetapi pada masa yang sama ia telah mengalami peningkatan dalam kadar pertumbuhan kemiskinan. Oleh kerana itu dalam bahagian kedua dasawarsa 70-an, perbincangan-perbincangan mengenai pembangunan telah memberi perhatian yang berat kepada soal pengagihan

pendapatan yang lebih saksama. Ketidakadilan sosial itu biasa juga di sebut seperti berikut: kira-kira $\frac{3}{4}$ daripada KNK dinikmati oleh kira-kira 40% daripada golongan berpendapatan tinggi. Pada masa sekarang pakar-pakar pembangunan sedang memikirkan bagaimana pendapatan kebangsaan dan seluruh dunia dapat diagihkan supaya 800 juta manusia di Dunia Ketiga, yang tinggal dalam keadaan kemiskinan yang paling teruk, dapat memenuhi keperluan-keperluan asas mereka seperti rumah, makanan, pelajaran dan kesihatan. Untuk mencapai matlamat menambahkan makanan di Dunia Ketiga yang sedang mengalami *undernourishment* dan *malnutrition* yang merebak luas, ada pakar-pakar yang menyanakan sama ada negara-negara itu memilih jalan pengeluaran makanan yang bersifat *energy-intensive* atau cara pengeluaran, pengagihan dan penggunaan yang bersifat *labour-intensive*.

Ternyata bahawa *scenario* sosio-ekonomi dunia masa depan tidak akan menggembarakan. Dunia akan menghadapi krisis-krisis gawat akibat daripada pelaksanaan konsep-konsep dan strategi-strategi pembangunan yang menyimpang dari apa yang dikehendaki oleh Allah s.w.t. sebagai Penguasa Tertinggi di atas segala yang wujud. Di Malaysia sendiri kita sedang menghadapi beberapa masalah berhubung dengan konsep, strategi dan pelaksanaan pembangunan. Ternyata sekarang wujudnya tanda-tanda kegelisahan mengenai beberapa masalah—rasuah dan penyalahgunaan kuasa, perumahan, harga barang yang melambung, inflasi, kemiskinan di samping kemewahan, penyalahgunaan dadah, jenayah gaya hidup di kota yang *permissive*, kerosakan akhlak sebahagian muda mudi, pembolotan kekayaan oleh setengah golongan yang mengambil kesempatan dan krisis nilai dalam masyarakat. Pihak-pihak yang memberi perhatian berat tentang akibat-akibat buruk di atas alam sekitar hasil dari perindustrian yang rakus dan tamak telah menunjukkan bukti-bukti merosotnya keutuhan ekologi seperti berikut: bahaya pupusnya sumber-sumber makanan di laut dan ikan-ikan darat; penghapusan hutan-hutan akibat dari usaha pembalakan yang hanya mementingkan keuntungan dan kepentingan diri; makin pupusnya kehidupan liar; kesan buruk dari penggunaan racun-racun serangga; hakisan tanah; pencemaran udara, air dan alam sekitar akibat dari kegiatan-kegiatan perlombongan dan perusahaan kelapa sawit dan sebagainya.

Dari perspektif Islam, gejala-gejala buruk itu adalah akibat daripada manusia membelakangkan bimbingan-bimbingan Allah s.w.t. yang menjadikan dan menghidupkan manusia supaya mengabdikan diri kepada Allah. Pandangan tokoh-tokoh Islam yang terkenal dapat diutarakan di sini untuk membolehkan kita melihat pendekatan Islam dan metodologinya mengenai apa yang dinamakan orang Barat sebagai *pembangunan*. Dua orang tokoh semasa yang terkenal itu ialah Professor Khurshid Ahmad dan Professor Yusuf Qardhawi.

Pandangan Prof Khurshid Ahmad

“Islam memberi perhatian yang berat terhadap masalah pembangunan ekonomi, tetapi ia melihatnya sebagai satu bahagian penting dari suatu persoalan yang lebih besar, iaitu pembangunan manusia. Fungsi utama Islam ialah untuk memimpin

pembangunan manusia mengikut garis panduan yang betul dan ke arah yang 'sebaik-baiknya'. Ia menyentuh semua aspek pembangunan ekonomi tetapi selalunya dalam rangka pembangunan kemanusiaan secara total. Bentuk pembangunan itu tidak sekali-kali terkeluar daripada perspektif itu. Justeru itu fokusnya, hatta dalam sektor ekonomi sekalipun, ialah pembangunan manusia, sehingga pembangunan ekonomi yang dihasilkan tetap menjadi satu unsur yang bersepadu dan tidak boleh dipisahkan dari pembangunan masyarakat dari segi moral dan sosio-ekonomi.

Asas-asas falsafah kepada pendekatan Islam terhadap pembangunan adalah seperti berikut:

- (i) *Tauhid* (KeEsaan dan kekuasaan Allah). Asas ini meletakkan peraturan-peraturan tentang hubungan Tuhan-manusia dan hubungan manusia-manusia.
- (ii) *Rububiyah* (Sifat Allah sebagai Penguasa yang membuat peraturan-peraturan bagi menampung dan menjaga serta mengarahkan kehidupan makhluk ke arah kesempurnaannya). Ini merupakan hukum yang asasi dalam alam sejagat yang menunjukkan kepada cara yang ditetapkan oleh Allah bagi menjamin pembangunan sumber-sumber alam secara bermanfaat dan juga hubungan saling bantu membantu antara satu sama lain. Di dalam konteks peraturan yang ditetapkan oleh Allah inilah usaha-usaha manusia harus berlaku.
- (iii) *Khilafah* (Peranan manusia sebagai utusan Allah di bumi). Asas ini menentukan status dan peranan manusia; ia menjelaskan tanggungjawab manusia sebagai manusia, sebagai Muslim dan sebagai umat Islam selaku penerima peranan khalifah Allah di bumi. Dari sini terbitnya konsep Islam tentang manusia sebagai pemegang amanah Allah dalam bidang akhlak, politik dan ekonomi, dan juga prinsip-prinsip pengaturan masyarakat.
- (iv) *Tazkiyah* (Penyucian dan pertumbuhan yang sewajarnya). Missi semua nabi-nabi Allah ialah, antara lain, mensucikan manusia dalam semua hubungannya dengan Allah, dengan manusia, dengan alam sekitar, dengan masyarakat dan dengan negara.

Dengan itu konsep pembangunan Islam hendaklah terbit daripada dasar tazkiyah di atas, kerana ia berkaitan dengan persoalan pembangunan manusia dalam semua dimensinya. Ia memberi perhatian kepada pertumbuhan dan perkembangan ke arah kesempurnaan melalui penyucian sikap dan hubungan. Hasil dari tazkiyah ialah *falah*, iaitu kesejahteraan di dunia dan di akhirat.

Dari prinsip-prinsip dasar di atas itu berbagai unsur konsep pembangunan boleh didapati. Ciri-ciri utamanya ialah sebagai berikut:

- (i) Konsep pembangunan Islam mempunyai sifat yang menyeluruh: ia merangkumi aspek-aspek moral, kerohanian dan kebendaan. Pembangunan menjadi suatu kegiatan yang berorientasikan nilai dan matlamat

penyempurnaan kesejahteraan manusia dalam semua aspek. Aspek moral dan kebendaan, ekonomi dan sosial, kerohanian dan fizikal tidak boleh dipisahkan. Matlamatnya bukan sekadar kebajikan di dunia ini. Ia ingin melihat kesejahteraan itu berterusan sampai ke alam akhirat dan ia tidak melihat sebarang konflik antara tujuan-tujuan itu. Dimensi ini tidak terdapat dalam konsep-konsep pembangunan masa kini.

- (ii) Fokus usaha pembangunan dan terasnya ialah pembangunan manusia. Dengan demikian pembangunan diertikan sebagai pembangunan manusia dan alam sekitar fizikal dan sosio-budayanya. Mengikut konsep semasa, alam sekitar fizikal—yang merangkumi alam tabi'i dan institusi-institusi itulah yang menjadi daerah sebenar kepada kegiatan-kegiatan pembangunan. Islam menegaskan bahawa daerah operasinya ialah manusia dalam dirinya dan di luar dirinya. Oleh yang demikian, sikap, dorongan, perasaan dan aspirasi manusia diambilkira dalam membuat dasar di samping faktor-faktor sumber alam, modal, buruh, pendidikan, kemahiran, organisasi dan sebagainya. Jadi di satu pihak Islam mengalihkan fokus usaha pembangunan dari alam sekitar kepada manusia dalam konteks kemasyarakatannya. Di pihak lain, ia meluaskan skop polisi pembangunan, dengan mengakibatkan perluasan jumlah angkubah sasaran dan alat dalam satu-satu model ekonomi. Satu lagi akibat dari pengalihan penekanan ini ialah ia membolehkan penglibatan maksima rakyat di semua peringkat yang melibatkan "*decision-making*" dan pelaksanaan rancangan.
- iii) Pembangunan ekonomi ialah satu kegiatan yang bersifat *multi-dimensional*, lebih-lebih lagi dalam satu rangka usaha Islam. Oleh kerana usaha harus dilakukan serentak dalam beberapa arah, maka dari segi teori sesuatu metodologi yang mengasingkan satu faktor penting sahaja dengan penumpuan yang hampir seluruhnya dikhususkan kepada faktor itu tidak dapat diterima. Islam ingin memberikan perhatian yang sewajarnya kepada semua faktor dan kekuatan yang berbeza itu.
- (iv) Pembangunan ekonomi melibatkan beberapa perubahan, kuantitatif dan juga kualitatif. Penglibatan dengan perubahan kuantitatif, walaupun perlu dan boleh dipertahankan kepentingannya, malangnya telah membawa kepada pengabaian aspek-aspek kualitatif dalam pembangunan khususnya dan dalam kehidupan, amnya. Islam mahu membetulkan ketidakseimbangan ini.
- (v) Di antara prinsip-prinsip dinamis tentang kehidupan bermasyarakat yang ditekankan oleh Islam ialah dua: *Pertama*, penggunaan sumber-sumber yang dianugerahkan oleh Allah dalam manusia dan dalam alam sekitar fizikalnya, dan *kedua*, penggunaannya dan pengagihannya secara adil di samping menegakkan semua hubungan kemanusiaan di atas dasar kebenaran dan keadilan. Islam menyanjung tinggi nilai syukur kepada Allah atas segala anugerahNya dan keadilan dan ia menolak sikap kufur terhadap Allah dan anugerahNya dan sikap ketidakadilan (*zulm*).

Berdasarkan kepada analisis ini proses pembangunan digerakkan dan digiatkan dengan menyerapkan nilai syukur dan keadilan. Proses itu akan menjadi rosak dan punah bila mana kekufuran dan kezaliman berlaku di dalamnya.

Matlamat Polisi Pembangunan

(A) Pembangunan peribadi dan keupayaan manusia

Ini patut menjadi objektif pertama dari polisi pembangunan. Ini akan melibatkan usaha membentuk sikap dan aspirasi yang betul, pembangunan watak, pendidikan dan latihan untuk melahirkan kemahiran yang diperlukan bagi berbagai-bagai kegiatan, membangunkan ilmu dan penyelidikan, dan mewujudkan beberapa mekanisme untuk membolehkan penglibatan yang bertanggungjawab dan kreatif dari rakyat jelata dalam kegiatan-kegiatan pembangunan yang penting, dalam membuat keputusan di setiap peringkat dan akhir sekali dalam sama-sama menikmati hasil-hasil pembangunan. Ini memerlukan pemberian keutamaan kepada usaha meluaskan dan menyesuaikan pendidikan dengan tuntutan Islam, di samping pembentukan orientasi moral rakyat dan pembentukan struktur hubungan manusia yang baru berdasarkan kepada kerjasama, milik bersama dan partisipasi bersama. Ini juga memerlukan jentera yang amat berkesan untuk mobilisasi sumber-sumber manusia dan menumbuhkan semangat pengorbanan diri dan kesediaan individu untuk memberikan sumbangan maksima bagi mencapai matlamat sosial.

(B) Mengembangkan pengeluaran yang berguna

Peningkatan yang berterusan dalam hasil pengeluaran negara adalah objektif yang penting, tetapi perhatian kita akan ditumpukan, pada satu pihak, kepada "*quantum*" dan "*efficiency*" pengeluaran, dan di pihak yang lain kepada pencapaian gabungan hasil-hasil yang betul-betul diperlukan. Pengeluaran tidak akan bererti pengeluaran serba serbi yang mempunyai permintaan atau yang golongan kaya akan sedia membelinya; pengeluaran akan menitikberatkan barangan yang berguna kepada manusia dilihat dari kacamata sistem nilai Islam dan pengalaman manusia secara umum. Pengeluaran semua perkara yang mana penggunaannya diharamkan oleh Islam tidak akan digalakkan, tetapi semua yang diperlukan dan bermanfaat akan diberi keutamaan dan penggalakan. Berpandu kepada dasar ini, pola pengeluaran dan pelaburan akan dibentuk mengikut urutan keutamaan yang ditentukan oleh Islam dan keperluan-keperluan umat. Kita merasakan tiga bidang keutamaan ialah:

- (i) Pengeluaran dan penawaran makanan yang cukup dan benda-benda asasi yang penting (termasuk bahan-bahan untuk mendirikan rumah, jalan dan bahan-bahan mentah yang asasi) dengan harga yang berpatutan.
- (ii) Keperluan ketahanan dunia Islam.
- (iii) Tersedianya pengeluaran yang cukup untuk kegunaan sendiri dari segi barangan asas yang penting.

(C) Peningkatan dalam kualiti kehidupan

Usaha-usaha hendaklah dibuat ke arah memperbaiki peringkat penghidupan yang sebenar dari semua orang dan ke arah pencapaian kesejahteraan moral, ekonomi dan sosial mereka. Ini memerlukan keutamaan diberi, sekurang-kurangnya, kepada hal-hal berikut:

- (i) Mewujudkan peluang bekerja dengan segala pengubahsuaian yang bersifat struktural, teknologikal, pelaburan, serantau dan pendidikan.
- (ii) Melaksanakan satu sistem jaminan sosial yang meluas untuk menampung keperluan-keperluan asas bagi mereka yang tidak berdaya untuk mendapat pekerjaan yang menguntungkan atau yang patut mendapat pertolongan dan bantuan dari masyarakat. Zakat akan menjadi teras kepada sistem ini.
- (iii) Pengagihan pendapatan dan harta. Perlu diwujudkan satu dasar pendapatan yang aktif untuk meninggikan tingkatan pendapatan golongan yang berpendapatan rendah, dengan mengurangkan "ratio" penumpuan ketidaksamarataan dalam masyarakat, dan membawa kepada penyebaran yang lebih besar dari harta dan kuasa dalam masyarakat secara umum. Pengurangan jarak perbezaan dalam pendapatan juga akan menjadi satu daripada petunjuk-petunjuk mengenai prestasi pembangunan. Untuk tujuan ini sistem cukai hendaklah disusun semula.

(D) Pembangunan yang seimbang

Ini bererti pembangunan daerah-daerah dalam sebuah negeri tidak berat sebelah. Begitu juga halnya dengan sektor-sektor yang berlainan dalam masyarakat dan ekonomi. Desentralisasi ekonomi dan pembangunan semua bahagian dan sektor bukan saja menjadi tuntutan keadilan, tetapi juga perlu untuk kemajuan yang maksima. Ini akan menghapuskan dualisme ekonomi yang dialami oleh sebahagian besar negara-negara umat Islam dan akan membawa kepada perpaduan yang lebih kepada tiap-tiap negara. Ini ialah satu bidang dalam mana prinsip-prinsip analisa serantau dan penggunaan dalam pembangunan dan analisis *input-output* akan menjadi sangat berguna.

(E) Teknologi baru

Ini bermakna usaha mewujudkan teknologi tempatan yang sesuai dengan keadaan, keperluan, dan aspirasi negara-negara orang Islam. Proses pembangunan akan dapat berdiri sendiri bukan sahaja bilamana kita, sesudah menguasai teknologi yang tumbuh dalam alam sekitar budaya dan ekonomi yang lain, dapat pula menyerap ke dalam proses kreativiti teknologi itu dan mula mengeluarkan teknologi yang mencerminkan pengkhususan kita. Ini memerlukan keutamaan diberi kepada penyelidikan dan suatu semangat baru untuk menghadapi cabaran-cabaran zaman kini.

(F) Mengurangkan pergantungan negara kepada dunia luar dan integrasi yang lebih di kalangan dunia umat Islam

Adalah menjadi tuntutan secara langsung dari kedudukan umat Islam sebagai khalifah Allah s.w.t. bahawa pergantungannya kepada dunia bukan Islam dalam semua perkara keperluan hidup ditukar kepada keadaan kebebasan ekonomi, rasa hormat terhadap diri sendiri dan memperkuat diri dan kuasa secara beransur. Ketahanan dan kebebasan dunia umat Islam dan perdamaian serta ketenteraman hidup manusia merupakan objektif-objektif yang penting dalam perencanaan pembangunan kita.

Kiranya perkara-perkara yang tersebut di atas itu hendak dijadikan objektif-objektif dasar pembangunan kita, maka kita harus membuat beberapa perubahan besar di dalam isi dan metodologi perencanaan pembangunan kita. Beberapa bidang yang memerlukan pendekatan baru dan teknik baru adalah seperti berikut:

- (i) Kita harus memberhentikan penggunaan semua model-model pertumbuhan ekonomi yang menitikberatkan peningkatan kadar pertumbuhan sebagai satu-satunya pengukur pembangunan dalam membuat perencanaan. . . .
- (ii) Kita harus menggunakan pendekatan "*multi-objective*" kepada pembangunan. Daripada terkongkong dengan pendekatan-pendekatan ekonometrik yang kemanfaatannya boleh dipersoalkan, adalah lebih baik diwujudkan pendekatan yang bersifat "*problem-oriented*" dan menilai kejayaan perencanaan dan usaha-usaha pembangunan di atas dasar memperbaiki bidang-bidang tertentu.
- (iii) Dengan adanya keadaan ketidakstabilan dan eksploitasi di peringkat antarabangsa, kelemahan dalam negeri dan kepincangan pasaran di samping permintaan yang hebat kepada usaha-usaha pembangunan, adalah dicadangkan supaya negara-negara umat Islam dan beberapa institusi sosial dan organisasi baru yang ditubuh khusus untuk tujuan-tujuan tertentu memainkan peranan yang lebih positif lagi. . . . Patutlah dibentuk agensi-agensi kerajaan tempatan yang mempunyai akar umbi yang kuat di kalangan rakyat setempat, dengan penglibatan yang lebih daripada rakyat dan yang mempunyai satu sistem pengawasan yang rapi. . . . supaya ia benar-benar menjadi agensi yang unik untuk pembangunan pelbagai tujuan. . . . Keuntungan tidak seharusnya dijadikan tujuan agensi-agensi itu. Ia hendaklah menjadi alat-alat yang benar-benar berfungsi bagi pembangunan yang bersifat "*value-oriented*" dan penyebaran hasil-hasil pembangunan kepada rakyat.
- (iv) Penyelidikan dan perencanaan. . . Kita memerlukan satu strategi penyelidikan baru untuk memenuhi tuntutan-tuntutan ideologikal pada masa akan datang."

(Dipetik dari tulisan Professor Khurshid Ahmad, *Economic Development in an Islamic Framework* dalam buku suntingannya, *Studies in Islamic Economics*, U.K. 1980, hlm. 171-184. Nota kaki dan rujukannya tidak dimasukkan).

Pandangan Prof. Dr Yusof al-Qardhawi

“Banyak orang menyangka agama tidak ada hubungan dan tidak ambil pusing tentang soal ekonomi. Ekonomi dan agama menurut mereka terpisah dan tidak boleh bercampur. Ekonomi menitikberatkan soal benda dalam kehidupan, sedangkan agama menitikberatkan soal rohaniah. Ekonomi bererti fana dan asyik kepada benda, sedangkan agama bererti memandang remeh dan memperkecilkan pengaruh benda.

Kekayaan menurut Islam adalah satu kurnia yang perlu disyukuri. “Dan Ia (Allah) mendapati engkau susah lalu Ia kayakan.” Dan firman Allah: “Dan Dia (Allah) yang menganugerahkan kamu dengan harta dan anak-anak.” Malah Rasulullah tidaklah menutup pintu untuk mendapatkan keredhaan Tuhan bagi orang yang kaya, seperti yang pernah diungkapkan oleh Nabi Isa, sebaliknya beliau mengatakan:

“Alangkah bagusnya harta yang baik di tangan orang yang baik.”

Islam juga menggalakkan umatnya bercucuk tanam dan bertani. Tetapi dengan syarat jangan asyik memikirkan perkara ini sahaja, asyik mengekori belakang kerbau sampai meninggalkan jihad.

Begitu juga dengan perniagaan, Islam menggalakkan umatnya berniaga. Ia menyanjung peniaga yang benar dan amanah. Islam menegah penipuan, monopoli dan sewenang-wenang menaikkan harga.

Sistem ekonomi Islam pula pada prinsipnya mengakui hak milik perseorangan. Kerana ianya bersesuaian dengan motivasi fitrah yang wujud dalam diri manusia itu sendiri. Pengakuan hak milik perseorangan meninggalkan suatu ruang untuk seseorang itu merasa berkuasa dan punya daya menentukan. Orang yang merdeka haruslah bebas untuk menyimpan atau membelanjakan hartanya. Sebaliknya seorang hamba abdi tidak punya hak untuk berbuat demikian.

Cuma dalam hubungan ini Islam menentukan beberapa syarat atau garis yang menentukan cara untuk mendapatkan harta dan memilikinya, cara untuk melaburkan atau membiakkannya. Hak-hak fakir miskin atau lainnya yang menjadi tanggungan harta itu sama ada berkala atau tidak berkala.

Islam menganggap bahawa pemilik harta yang sebenarnya ialah Allah s.w.t. Manusia hanya sebagai pemegang amanah sahaja, atau sebagai wakil untuk menggunakan harta tadi. Al-Qur'an mensifatkan peranan ini dengan ungkapan *mustakhlafina fihi*.

Dari keterangan dan huraian di atas nyatalah Islam tidak mengabaikan penyelesaian aspek ekonomi, mengingat pentingnya aspek ini dalam kehidupan insan.

Pendekatan dalam aspek ini bolehlah dirumuskan secara kasar penyelesaian cara Islam mengandungi langkah-langkah berikut:

- (i) Memberi kesempatan bekerja kepada setiap warga yang mampu dengan kerja-kerja yang sesuai, atas dasar hak dan tanggungjawab masing-masing. Memberi kesempatan untuk tiap tenaga kerja melatih diri dan berlatih untuk meningkatkan taraf profesionnya. Dengan demikian seseorang itu akan dapat berdiri atas kakinya sendiri. Sedekah dan bantuan sosial harus dihalang sama sekali yang diberikan kepada manusia yang lebih suka menganggur pada hal banyak kerja-kerja yang sesuai yang telah diberikan peluang kepadanya untuk mencebur diri tapi ia enggan. Sesuai dengan sabda Nabi s.a.w.

“Tidak boleh (tidak diterima) sedekah kepada orang kaya atau orang yang punya tenaga dan daya untuk bekerja (orang yang suka menganggur).”

- (ii) Memberikan gaji setimpal, adil dan mencukupi pada tiap pekerja dengan pertimbangan yang saksama. Rasulullah umpamanya membahagikan harta rampasan perang kepada tentera jalan kaki sebahagian dan kepada yang berkuda dua bahagian atau tiga. Ini memandangkan kepada peranan tentera berkuda lebih besar dari yang lain. Begitu juga Rasulullah memberikan kepada tentera yang berkeluarga dua bahagian dan tentera yang bujang sebahagian sahaja. Sebab keperluan yang beristeri dan beranak ini tentu lebih besar dari yang bujang. Dalam hubungan ini jelaslah kepada kita bahawa Nabi memberikan pertimbangannya berdasarkan kemampuan tiap orang dan kadar kerja, di samping kadar keperluan sara hidup. Saidina ‘Umar pernah berkata:

“Demi Allah tiap orang ada haknya dalam harta ini. (Akan aku bahagikan) tiap orang dengan kadar usahanya, dan lamanya ia masuk Islam, dan/atau keperluannya.”

Dengan tindakan seperti ini nyatalah Islam berbeza dengan teori komunis yang memberi pekerja sekadar keperluannya sahaja. Islam bertentangan dengan sosialisme yang memberi upah berdasarkan kadar kerja sahaja.

- (iii) Mengambil zakat dari berbagai jenis harta: harta nyata (seperti binatang ternakan, hasil tanaman, termasuk zakat fitrah), harta perniagaan dan wang. Tetapi ia harus dikelolakan oleh suatu jentera yang lancar dan amanah. Al-Quran menyebutkan dengan ungkapan *“al’amilin ‘alaiha”*. Di samping itu perlu diperluaskan bentuk harta yang dikenakan zakat sehingga mencakup setiap jenis harta yang bertambah atau yang lebih dari keperluan asasi seseorang. Hasil zakat yang telah terkumpul harus dibahagikan kepada delapan saluran atau tujuh—jika ditolak hamba abdi yang telah dimansuhkan sekarang ini. Sesuai dengan firman Allah:

“Ambillah sedekah (zakat) sebahagian dari harta mereka.”

Sesuai dengan hadits Rasul:

“Diambil zakat dari hartawan di kalangan mereka dan dibahagikan kepada kalangan mereka yang papa.” Demikianlah yang telah dilakukan oleh para Khulafa Al-Rashidin.

Dengan adanya sumber kemasukan dari zakat ini dapatlah dibantu usaha menampung keperluan orang yang hidup susah dan menolong berlakunya keadilan sosial. Penumpuan harta dan amalan makan riba—dengan ini—dapat diatasi. Orang yang berhutang dapat dilepaskan dari kehinaan belunggu berhutang. Dakwah Islam dapat diaktifkan dengan wang zakat melalui saluran bantuan kepada *muallaf* dan *jihad fi sabilillah*.

- (iv) Menyediakan keperluan hidup yang selesa untuk tiap warganegara, di mana segala keperluan yang asasi dapat dipenuhi, khasnya untuk orang yang tidak mampu mencari sara hidup, sama ada kerana sakit bertahun atau cacat atau akibat kemalangan, sama ada sakit otak atau jasmaninya. Juga memberi sara hidup kepada orang yang mampu bekerja tetapi tidak beroleh pekerjaan atau kerajaan gagal memberikan kerja yang sesuai atau malah ia mempunyai pekerjaan tetapi pendapatannya tidak cukup untuk menampung keperluan rumahtangga dan anak-anaknya. Begitu juga bantuan haruslah diberikan kepada orang yang jatuh sakit parah tiba-tiba atau salah seorang dari tanggunganannya sehingga pincang perbelanjaannya atau juga lantaran inflasi dan sebagainya.

Sebuah negara Islam wajib menyediakan kemudahan hidup untuk setiap warganya—tidak kira Muslim atau bukan, sama ada berupa makanan yang baik dan sihat, pakaian yang dapat melindungi tubuh dalam musim panas dan dingin, rumah penginapan yang dapat memberi ketenteraman kepada seseorang dengan hak *“privacy”*nya, kemudahan rawatan, pelajaran yang percuma untuk melepaskan diri dari cengkaman kejahilan dan sebagainya, sehingga setiap yang mampu dapat meningkatkan pelajaran dan ilmunya setinggi yang mungkin. Kelak mereka mampu memenuhi setiap bidang dan cabang ilmu yang diperlukan oleh umat, termasuklah bidang-bidang yang dianggap oleh ulama sebagai fardhu kifayah.

Jika sekiranya negara Islam cuai dalam hal ini maka tiap warganya berhak menuntut dan mendesak negara tersebut menyediakan kemudahan-kemudahan asas untuk mereka. Rasulullah s.a.w. berkata:

Maksudnya kira-kira: *“Penguasa bertanggungjawab terhadap rakyatnya. Suami bertanggungjawab pada anak isterinya, masing-masing akan dipersoalkan tentang tanggungjawab mereka.”*

Jelas di sini Rasulullah menganggap penguasa itu bertanggungjawab kepada rakyatnya persis seperti ketua keluarga.

Kesedaran seperti ini diterapkan oleh Rasulullah sendiri ketika baginda memegang pimpinan umat Islam. Baginda pernah berkata:

“Seorang Muslim itu harus mengutamakan ‘Aku’ (yakni Rasulullah) dari dirinya. Barang siapa mati meninggalkan hutang atau balu yang tidak ada orang menyarainya maka akulah bertanggungjawab melepaskan hutang itu dan menyarai balu peninggalannya.”

Sebab itu jika ada di kalangan umat Islam yang mati dalam berhutang dan ia tidak pula meninggalkan harta untuk menjelaskan hutang itu maka Rasulullah mengeluarkan wang dari Baitul Mal untuk menjelaskan hutang tersebut.

Dalam zaman pemerintahan Saidina ‘Umar di mana negara Islam ketika itu semakin luas dan banyak hasilnya maka sistem penampungan sosial telah sampai ke peringkat yang lebih “*advance*” sehingga pernah dimimpikan sebelumnya. Saidina ‘Umar menentukan elauun untuk tiap bayi yang dilahirkan dalam Islam. Beliau memerintahkan agar diberikan bayaran sara hidup untuk setiap yang tidak mampu bekerja; termasuk orang kafir “*zimmi*” sama ada Yahudi atau Nasrani.

- (v) Harta yang dimiliki secara haram dan tidak sah di sisi syarak *disita*. Sama ada harta tersebut didapati dengan merompak, penggelapan, rasuah atau menggunakan pengaruh peribadi. Sama ada harta tetap atau yang boleh dipindah-pindahkan. Tapi penyiasatan yang dilakukan mestilah teliti dan amanah sementara pengadilannya harus adil dan benar. Harta-harta yang telah *disita* dan sah penyitaan itu melalui undang-undang hendaklah diletakkan dalam perkiraan harta awam atau tabung untuk membiayai keperluan warganegara yang lemah dan tidak berada.
- (vi) Para pegawai kerajaan khasnya berjawatan tinggi—harus tunduk kepada undang-undang pengiklanan harta milik mereka. Ditentukan dari mana sumber kekayaan yang diperoleh, sebagai langkah melindungi harta umum. Jika ternyata ia telah mendapat kekayaan tidak mengikut lunas yang sah maka haruslah ia dihukum sama ada dengan menyita keseluruhan atau sebahagian harta itu melihat kepada kuat atau tidak kuatnya keraguan tentang halal atau haram sumber kemasukannya. Ini adalah untuk mengikut jejak langkah Nabi s.a.w. yang pernah memperhitungkan harta Ibnul Lutaibah. Di samping bersesuaian pula dengan apa yang telah dilakukan oleh Saidina ‘Umar kepada segolongan Gabenor lantikannya. Beliau kadangkala mengambil separuh dari harta yang telah dimiliki oleh mereka ketika mereka berkuasa.
- (vii) Membenters pemborosan dan bermewah-mewah dengan peruntukan undang-undang atau didikan umum, untuk menjimatkan potensi umat baik material maupun tenaga manusia, supaya jangan disia-siakan begitu sahaja.

Mencegah individu Muslim dari berlumba-lumba memiliki barang-barang mewah atau yang haram. Kerana kemewahan yang berlebih-lebihan boleh melahirkan keruntuhan moral. Malah boleh menimbulkan pertarungan kasta antara umat, di mana segelintir manusia kaya melangit atas titik peluh orang lain dan kebanyakan yang lain pula papa kedana.

- (viii) Mendekatkan jurang perbezaan ekonomi antara individu dan golongan rakyat. Dengan membatasi pengaruh dan kekuasaan orang kaya, taraf hidup rakyat yang miskin dinaikkan. Keistimewaan dan habuan kerana status yang diwarisi tanpa asas yang sah dibatalkan. Kezaliman dan penganiayaan ke atas segelintir atau segolongan umat dihapuskan. Jarak perbezaan ekonomi yang menyolok antara yang berpangkat dan tidak, dikurangkan sedapat mungkin.
- (ix) Dalam konteks ini juga perlu diusahakan pendekatan jarak taraf hidup di bandar dan taraf hidup di luar bandar. Jangan sampai projek-projek pembangunan dicurahkan di kota dan untuk dini'mati oleh penduduk bandar sahaja. Sedangkan kampung dan desa terbiar dalam kemundurannya. Kampung dan daerah luar bandar harus mendapat perhatian dan pembelaan dari segi peringkat khidmat dan kemudahan untuk mendapat rawatan, juga dari segi ekonomi, pembangunan, sosial dan pendidikan. Jika tidak lantaran usaha pak tani di desa maka tentulah penduduk bandar sukar mendapatkan makanan mereka.
- (x) Membersihkan segala institusi ekonomi dalam negara dari amalan riba atau tiap amalan yang bertentangan dengan syariat, dengan mendirikan bank Islam dan membentaras tiap bank yang tidak tunduk kepada ajarannya. Dengan ini umat akan terlepas dari dosa dan kesan negatif kapitalisme. Negara akan terselamat dari jerat-jerat ekonomi yang dipasang oleh Yahudi yang monopoli "*liquidity of money*" dan bank-bank antarabangsa. Seluruh umat dan negara bakal terhindar dari pengistiharan Allah memerangi mereka disebabkan mereka mengamalkan riba. Bagi siapa yang ingin melihat teori bank Islam menjadi realiti silalah tatap tulisan beberapa orang pakar ekonomi Islam di Mesir, Pakistan dan lain-lain. Jika ada azam dan kesungguhan niat tiada ada yang mustahil di dunia ini.
- (xi) Menggagaskan perencanaan yang "*saintifik*" dan berdasarkan kepada data dan fakta statistik untuk menambahkan punca pendapatan negara dan produksi, baik dari segi kuantiti maupun kualiti. Menyelaraskan usaha bersama dengan negara-negara umat Islam untuk meni'mati kebebasan ekonomi dan semoga negara-negara umat Islam dapat berdiri di atas kakinya sendiri.

Segala usaha dan cara yang berkesan haruslah diambil, baik yang bersifat material atau moral untuk memajukan lagi pembangunan negara.

Dalam pada itu segala tindakan hendaklah dilakukan untuk membersihkan masyarakat dari rundungan penyakit jiwa, akhlak dan masalah sosial yang melemahkan potensi umat atau mengganggu daya pengeluaran dan menghambat serta membantutkan késpedesan pembangunan.”

(Dipetik dari buku Prof. Dr Yusof Al-Qardhawi, *Penyelesaian Islam* (terjemahan), terbitan Unit Agama, I.T.M. 1979, dari hlm. 16-22).

Kuasa Allah Dalam Mewujudkan Kejayaan (*Al-Falah*) dan Kerugian (*Al-Khusran*)

Selaras dengan pandangan hidup al-Quran bahawa hidup manusia di dunia ialah satu masa ujian (*bala ibtila*) daripada Allah, (al-Quran, 68:17; 7:168; 47:31; 21:35; 2:155; 47:31; 18:7; 5:48; 11:7; 67:2; 5:94; 3:186; 8:17; 89:15) maka Allah telah menetapkan metodologi yang tertentu untuk mencapai *Al-Falah* dan mengelakkan daripada *Al-Khusran* dalam kehidupan di dunia dan di akhirat. Metodologi itu, secara ringkas, ialah penerapan nilai-nilai Iman, *taqwa*, *dzikirullah*, amal salih, *al-amr bi'l-ma'ruf wa'n-nahyu 'an al-mungkar*, *shukr* dan *jihād fi sabil Allah* dalam semua kegiatan manusia—ekonomi, politik, sosial dan budaya. Bila metodologi ini dipatuhi dalam setiap usaha pembangunan masyarakat, maka Allah akan menolong mewujudkan keadaan *Al-Falah* itu. Sebaliknya, jika metodologi ini tidak dipatuhi atau dicerobohi maka *Al-Khusran* akan berlaku, dengan izin Allah, pada masa yang sesuai dan dalam bentuk-bentuk yang tertentu. Di dalam al-Quran terdapat banyak sekali ayat-ayat yang menunjukkan kesan-kesan positif dari keredhaan Allah (*ridwan Allah*) di dalam kehidupan dunia. Ini yang telah ditetapkan oleh Allah demi kesejahteraan manusia. Esensi daripada peranan Allah itu dilihat daripada ayat berikut:

“*Jikalau sekiranya penduduk kota-kota itu beriman dan bertakwa, pastilah Kami akan melimpahkan kepada mereka keberkatan dari langit dan bumi, tetapi mereka mendustakan (ayat-ayat Kami) itu, maka Kami siksa mereka kerana apa yang telah mereka lakukan.*” (Al-Quran, 7:96)

“*Dan (ingatlah juga), tatkala Tuhanmu memaklumkan: 'Sesungguhnya jika kamu bersyukur, pasti Kami akan menambah ni'mat kepadamu dan jika kamu mengingkari (ni'mat-Ku), maka sesungguhnya azabKu sangat pedih.'*” (Al-Quran, 14:7)

Di dalam sistem-sistem sosial, ekonomi, budaya dan politik yang berteraskan faham sekularisme, liberalisme, humanisme sekular (atau humanisme saintifik) atau materialisme, kesejahteraan hanya dilihat dari perspektif fizikal dan kuantitatif. Aspek-aspek psikologikal dalam kesejahteraan, seperti rasa aman, ketenteraman jiwa, bebas dari rasa takut dan gelisah tidak dikaitkan dengan pengaruh dari luar alam tab'i. Manusia tanpa bantuan dari Tuhan dirasakan dapat menimbulkan keadaan-keadaan dalaman yang menyenangkan itu dengan merubah sikap-sikap dan kebiasaan-kebiasaan mereka sahaja. Di dalam ajaran al-Quran, manusia memang

dapat—malah disuruh—menimbulkan keadaan-keadaan itu dengan mematuhi kaedah-kaedah yang ditetapkan oleh Allah, tetapi apabila ternyata bahawa manusia sedang berikhtiar merubahkannya ke arah yang baik, Allah akan memberi pertolonganNya (*nasr Allah*) (al-Quran, 3:123; 9:25; 21:77; 40:51; 3:160; 47:7; 22:40; 2:214; 3:126; 30:47; 61:13; 110:1; 3:13; 8:62; 22:39; 3:150) dan perlindungan-Nya (*walayah Allah*) (al-Quran, 2:148; 120; 257; 4:45; 123; 7:196; 41:46; 18:44; 8:40; 22:78; 3:150; 22:78) dengan cara-cara yang kadang-kadang di luar dugaan manusia (*min haithu la yahtasib*) (al-Quran, 65:3; 59:2; 39:47).

Menurut al-Quran, di antara bentuk-bentuk ujian yang akan dialami oleh manusia ialah keadaan ketakutan (*khauf*), bimbang (*huzn*), kelaparan (*ju'*) dan kemerosotan dalam harta benda (*naqa al-amwal*) (al-Quran, Baqarah: 155).

Tetapi sesiapa yang mengikuti petunjuk-petunjuk Allah tidak perlu berasa takut dan bimbang (Al-Quran, 2:38). Malah apabila manusia benar-benar beriman kepada Allah dan beramal salih, Allah akan menukarkan keadaan-keadaan yang ditakuti itu kepada keadaan-keadaan yang menyenangkan. Satu contoh daripada al-Quran ialah maksud ayat:

“Dan Allah telah berjanji kepada orang-orang yang beriman di antara kamu dan mengerjakan amal-amal yang salih bahawa Dia, sungguh-sungguh akan menjadikan mereka berkuasa di bumi, sebagaimana Dia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka berkuasa dan sungguh Dia akan meneguhkan bagi mereka agama yang diredhai-Nya untuk mereka, dan Dia benar-benar akan menukar keadaan mereka sesudah mereka berada dalam ketakutan menjadi aman sentosa. Mereka tetap mengabdikan diri kepada-Ku dengan tiada mempersekutukan sesuatu apapun dengan Aku.” (Al-Quran, 24:55)

Allah juga berkuasa memasukkan rasa takut ke dalam hati manusia tertentu, seperti yang tersebut di dalam ayat:

“Akan Kami masukkan ke dalam hati orang-orang kafir rasa takut (ar-ru'b) disebabkan mereka mempersekutukan Allah. . . .” (Al-Quran, 3:151)

Dia juga yang memberikan ketenangan jiwa kepada mereka-mereka yang sedang gelisah atau resah:

“Dialah yang telah menurunkan ketenangan (as-sakinah) ke dalam hati orang-orang Mukmin supaya keimanan mereka bertambah di samping keimanan yang sedia ada. Dan kepayaan Allahlah tertera langit dan bumi dan adalah Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.” (Al-Quran, 48:4)

Adakalanya Allah menimbulkan rasa santun dan kasih sayang dalam hati manusia yang mengikuti bimbingan-Nya:

“. . . dan Kami jadikan dalam hati orang-orang yang mengikutinya rasa santun dan kasih sayang. . . .” (Al-Quran, 57:27)

Untuk orang-orang yang beriman yang sebelumnya berada dalam keadaan permusuhan, Allah mewujudkan rasa persaudaraan dan kelapangan dada terhadap satu sama lain:

“Dan berpeganglah kamu semuanya kepada tali (agama) Allah, dan ingatlah akan ni‘mat Allah kepadamu ketika kamu dahulu (masa Jahiliyyah) bermusuhan-musuhan, lalu menjadikan kamu bersaudara kerana ni‘mat Allah; dan kamu telah berada di tepi jurang neraka, lalu Allah menyelamatkan kamu daripadanya.” (Al-Quran, 3:103)

Suasana aman (*amn*), suasana kasih sayang (*rahmah*), suasana persaudaraan (*ukhuwwah*), ketenangan (*sakinah*), keadaan ketiadaan ketakutan (*khauf*) dan kebimbangan (*huzn*) adalah sebahagian daripada unsur-unsur kesejahteraan (*falah*) kehidupan manusia dan al-Quran menunjukkan bahawa ianya bukan seratus peratus hasil daripada usaha manusia. Ia wujud sebagai balasan segera Allah kepada manusia-manusia yang melakukan perbuatan-perbuatan yang diredhai-Nya, balasan mana, dalam banyak hal, melebihi apa yang sepatutnya diperolehi dari sekian banyak usaha manusia. Ini terbit daripada sifat Maha Penyayang (*Ar-rahman*) Allah. Kerana sifat inilah Allah telah memberikan kepada manusia ni‘mat-ni‘mat yang begitu banyak sehingga manusia tidak mampu menghitungnya satu persatu, sebagaimana dinyatakan di dalam ayat berikut:

“Dan Dia telah memberikan kepadamu segala apa yang kamu minta, dan sekiranya kamu menghitung ni‘mat Allah, tidaklah dapat kamu menghinggakannya. Sesungguhnya manusia itu sangat zalim dan sangat mengingkari ni‘mat Allah.” (Al-Quran, 14:34)

Sebagai tanda sifat kemurkaan Allah terhadap manusia dan juga tanda betapa mulianya manusia di sisi Allah, seluruh isi alam ini disediakan untuk kegunaan manusia:

“Dan Dia menundukkan untukmu (wahai manusia) apa yang ada di langit dan apa yang ada di bumi semuanya (sebagai satu rahmat) daripadanya. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda kekuasaan Allah bagi kaum yang berfikir.” (Al-Quran, 45:13. Lihat juga 14:32; 33:1; 16:12; 22:65; 31:20; 45:12).

Walaupun ni‘mat Allah untuk manusia begitu besar, namun ramai manusia yang tidak mahu bersyukur kepada Allah. Di antara mereka ada yang mengingkari kekuasaan Allah sama sekali; ada yang sewenang-wenangnya melanggar ketentuan-ketentuan Allah; ada yang mempersekutukan benda-benda lain dengan Allah; ada yang lupa daratan dalam kemewahan dan menjadi hamba kepada syaitan dan hawa nafsu; ada yang menggunakan kelebihan-kelebihan yang diberikan Allah itu untuk

mengeksploitasi dan memeras orang yang lemah. Sifat-sifat seperti ini dinamakan oleh Allah s.w.t. sebagai "kezaliman terhadap diri sendiri" (zulm an-nafs). Firman Allah, bermaksud:

"... barangsiapa melanggar ketentuan-ketentuan Allah, maka sesungguhnya dia telah berbuat zalim terhadap dirinya sendiri. . ." (Al-Quran, 65:1)

Kezaliman yang leluasa dalam masyarakat, menurut al-Quran biasanya mengundang balasan Allah di dunia lagi, walaupun dalam banyak hal Allah menangguhkan masa turunnya balasan itu kepada saat-saat yang terakhir. Di dalam al-Quran banyak sekali diceritakan kisah-kisah perseorangan, kaum, negeri, bangsa dan tamadun yang ditimpa balasan yang ngeri di dunia lagi akibat daripada sifat-sifat mereka melampaui batas-batas kesopanan sebagai hamba Allah yang durhaka. Ayat-ayat berikut akan menunjukkan sebab-sebab kehancuran bangsa-bangsa dan negeri-negeri zaman lampau, di samping menjelaskan bahawa kesejahteraan yang berterusan tidak akan tercapai selagi manusia atau kelompok atau masyarakat tidak mematuhi metodologi *al-Falah* yang tersebut di atas. Ia juga akan memberi kefahaman kepada kita bahawa kesenangan hidup kebendaan yang tidak diwarnai oleh nilai-nilai *al-Falah* tidak boleh dianggap sebagai kesejahteraan yang sebenar kerana lambat laun kesenangan yang "*secularized*" itu akan mencetuskan beberapa masalah besar dalam masyarakat sehingga melayaknya untuk ditimpa azab Allah di dunia—baik dalam bentuk fizikal atau dalam bentuk psikologis. Oleh yang demikian, orang-orang Islam—secara perseorangan, keluarga, bangsa atau negara—diingatkan oleh Allah supaya jangan mudah terpengaruh dengan "*kemajuan*" yang dicapai oleh orang-orang yang menzalimi diri sendiri, melanggar batas-batas hukum Allah, mempersekutukan Allah dan membelakangkan agama Allah. Kemajuan dan pembangunan yang dituntut oleh Islam hendaklah memenuhi syarat-syarat untuk mencapai *al-Falah*, iaitu antara lain:

- (i) Kesepaduan dan kesatuan rohani-rohani; dan
- (ii) keutamaan nilai-nilai rohani-akhlak yang tertentu dalam mencorak-warnakan aspek-aspek kebendaan. Cuba kita fikirkan secara serius peringatan-peringatan Allah—
 - (a) Tentang bagaimana kebinasaan adalah akibat daripada perbuatan-perbuatan manusia sendiri—
 - (i) "*Telah menjadi nyata kerosakan di darat dan di laut disebabkan oleh perbuatan tangan manusia. Supaya dengan itu Allah menjadikan mereka merasakan sebahagian dari akibat perbuatan mereka, agar mereka kembali (ke jalan yang benar).*" (Al-Quran, 30:41)
 - (ii) "*Dan belanjakanlah (hartabendamu) pada jalan Allah dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan, dan berbuat baiklah, kerana sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat baik.*" (Al-Quran 2:195)

(b) Tentang kezaliman—iaitu sebarang pelanggaran terhadap ketentuan-ketentuan Allah baik dalam diri sendiri atau di luar diri—sebagai sebab Allah membinasakan kaum-kaum terdahulu seperti kaum Nabi Nuh, kaum Nabi Lut, kaum Nabi Musa, kaum Ad dan Thamud dan kaum Fir'aun.

- (i) “. . . Dan tidak pernah Kami membinasakan kota-kota kecuali penduduknya dalam keadaan melakukan kezaliman.” (Al-Quran, 28:59)
- (ii) “Dan Tuhanmu sekali-kali tidak akan membinasakan negeri-negeri kerana satu perbuatan kezaliman (sahaja), kalau penduduknya ialah orang-orang yang melakukan kebaikan.” (Al-Quran, 11:117)
- (iii) “. . . Tidak akan dibinasakan sesuatu kaum melainkan ia melanggar perintah-perintah Allah.” (Al-Quran, 46:35)
- (iv) “Sesungguhnya Kami telah menghancurkan generasi-generasi sebelum kamu apabila mereka telah melakukan kezaliman.” (Al-Quran, 10:13; Lihat juga 17:17; 19:74; 20:128; 32:26; 36:31; 26:208; 77:16; 6:47).

(c) Tentang cara penggunaan (*consumption*) ekonomi yang tidak adil, boros, menunjuk-nunjuk dan menekankan kesenangan kebendaan sahaja yang membawa kepada kehancuran bangsa.

- (i) “. . . Dan orang-orang yang zalim hanya mementingkan kenikmatan yang mewah yang ada pada mereka dan mereka adalah orang-orang yang melakukan dosa.” (Al-Quran, 11:116)
- (ii) “Dan berapa banyaknya (penduduk) negeri yang telah Kami binasakan, yang sudah bersenang-senang dalam kehidupannya; maka itulah tempat kediaman mereka yang tiada didiami lagi sesudah mereka, kecuali sebahagian kecil dan Kami adalah Pewarisnya.” (Al-Quran, 28:58)
- (iii) “Dan bila Kami memutuskan untuk membinasakan suatu negeri, maka Kami perintahkan kepada orang-orang yang hidup mewah di negeri itu (supaya mentaati Allah) tetapi mereka melakukan kedurhakaan dalam negeri itu, maka kemudian Kami hancurkan negeri itu sehancur-hancurnya.” (Al-Quran, 17:16)
- (iv) “Qarun (seorang yang kaya raya di zaman Nabi Musa) berkata: Sesungguhnya aku didatangkan harta itu kerana pengetahuan yang ada padaku”. Apakah ia tidak mengetahui bahawasanya Allah telah membinasakan umat-umat sebelumnya yang lebih kuat daripadanya dan lebih banyak mengumpulkan harta? . . .” (Al-Quran, 28:78)

“Maka keluarlah Qarun kepada kaumnya dalam kemegahannya. Berkatalah orang-orang yang menghendaki kehidupan dunia: ‘Moga-moga kita juga mempunyai seperti apa yang telah diberikan kepada Qarun, sesungguhnya ia benar-benar mempunyai keuntungan yang besar’.” (Al-Quran, 28:79)

“Maka Kami benamkanlah Qarun beserta rumahnya ke dalam bumi. . .” (Al-Quran, 28:81)

“Maka mulailah berkata orang-orang yang kemarin mencita-mencitakan kedudukan Qarun itu: ‘Aduhai, benarlah bahawa Allah melapangkan rezeki dan menyempitkannya bagi siapa yang Dia kehendaki dari hamba-hambaNya. Kalau Allah tidak melimpahkan kurniaNya ke atas kita nescaya Dia akan membenamkan kita (pula). Aduhai, benarlah bahawa orang-orang yang mengingkari Allah tidak akan mendapat kesejahteraan’.” (Al-Quran, 28:82)

(d) Tentang betapa perlunya kesenangan hidup kebendaan dijiwai oleh rasa syukur kepada Allah untuk menjamin berterusannya ni'mat Allah.

(i) *“Dan Allah telah membuat suatu perumpamaan (dengan) sebuah negeri yang dahulunya aman lagi tenteram, rezekinya datang kepadanya melimpah ruah dari segenap tempat, tetapi (penduduknya) pengingkari ni'mat-ni'mat Allah. Kerana itu Allah merasakan kepada mereka pakaian kelaparan dan ketakutan, disebabkan apa yang selalu mereka perbuat.” (Al-Quran, 16:112)*

(e) Tentang sifat-sifat kekufuran, keangkuhan, materialisme dan syirik (mempersekutukan Tuhan) yang mengakibatkan kebinasaan di atas kesenangan.

(i) *“Dan dia (seorang kafir yang kaya) mempunyai kekayaan besar, maka ia berkata kepada kawannya (yang beriman kepada Allah). . . Hartaku lebih banyak daripada hartamu dan pengikut-pengikutku lebih kuat.” (Al-Quran, 18:34)*

(ii) *“Dan dia memasuki kebunnya sedang dia berlaku zalim terhadap dirinya sendiri sambil berkata: ‘Aku tidak fikir yang kebun ini akan binasa sampai bila-bila masa’.” (Al-Quran, 18:35)*

(iii) *“Dan aku tidak fikir hari kiamat itu akan datang. . .” (Al-Quran, 18:36)*

- (iv) *“Kawannya (yang beriman) itu berkata kepadanya. . . ‘Apakah kamu fikir terhadap Dia yang menjadikan kamu dari tanah. . . lalu Dia menjadikan kamu seorang laki-laki yang sempurna?’”* (Al-Quran, 18:37)
 - (v) *“Tetapi aku (percaya bahawa) Allah Tuhanku, dan aku tidak mempersekutukan seorang pun dengan Tuhanku.”* (Al-Quran, 18:38)
 - (vi) *“Dan mengapa kamu tidak mengatakan waktu kamu memasuki kebunmu ‘Beginilah sesuatu yang dikehendaki oleh Allah, tidak ada kekuatan kecuali dengan pertolongan Allah. . .’”* (Al-Quran, 18:39)
 - (vii) *“Dan harta kekayaan (orang yang kafir itu) dibinasakan. Lalu ia membulak-balikkan kedua tangannya (tanda menyesal) . . . dan dia berkata, ‘Aduhai alangkah baiknya kalau dulu aku tidak mempersekutukan seorang pun dengan Tuhanku.’”* (Al-Quran, 18:42)
- (f) Tentang penangguhan azab Allah untuk memberi peluang-peluang manusia melihat kesan-kesan buruk dari kedurhakaan mereka, semoga dengan itu manusia akan mengikuti jalan Allah.
- (i) *“Dan berapalah banyaknya kota yang Aku tanggihkan (azabKu) kepadanya, yang penduduknya berbuat zalim; kemudian Aku azabkan mereka, dan hanya kepada Kulah kembalinya segala sesuatu”.* (Al-Quran, 22:48)
 - (ii) *“Dan kalau sekiranya Allah ingin menyegerakan balasan buruk bagi manusia seperti permintaan mereka untuk menyegerakan kebaikan, nescaya ditamatkan riwayat mereka. Tetapi Kami biarkan orang-orang yang tidak mengharapkan pertemuan dengan Kami bergelumbang di dalam keterlanjuran dan kesesatan mereka.”* (Al-Quran, 10:11)
- (g) Tentang kesenangan kebendaan yang tidak harus dicontohi oleh orang-orang yang beriman kepada Allah kerana kesenangan yang membelakangkan tuntutan rohani-moral manusia akan membawa kepada kebinasaan di dunia dan di akhirat.
- (i) *“ . . . Dan orang-orang yang kafir itu bersenang-senang (di dunia) dan mereka makan seperti makannya binatang-binatang. Dan neraka adalah tempat tinggal mereka.”* (Al-Quran, 47:12)

- (ii) “Dan janganlah kamu tujukan kedua matamu kepada apa yang telah Kami berikan kepada golongan-golongan dari mereka (yang mengingkari Ku) sebagai bunga kehidupan dunia untuk Kami cubai mereka dengannya. Dan pemberian Tuhan kamu adalah lebih baik dan lebih kekal.” (Al-Quran, 20:131)
- (iii) “Allah meluaskan dan menyempitkan pemberian-Nya bagi siapa yang Dia kehendaki. Dan mereka (yang ingkar kepada Allah) bergembira dengan kehidupan dunia, padahal kehidupan dunia itu (dibandingkan dengan) kehidupan akhirat hanyalah kesenangan yang sementara.” (Al-Quran, 13:26)

Penutup

Keterangan-keterangan di atas memberikan alasan-alasan yang amat kuat kepada peribadi yang meyakinkannya untuk berwaspada dalam sebarang usaha ke arah meniru pola perekonomian dan pembangunan sosio-ekonomi yang bersifat sekular, liberal, materialistik atau atheistik. Ia tidak akan mudah terpedaya dengan konsep kemajuan yang dualistik—iaitu yang memisahkan kemajuan ekonomi daripada nilai-nilai akhlak dan keperluan-keperluan rohaniah. Ia akan melibatkan diri dalam usaha meninggikan taraf hidup dan dalam kegiatan-kegiatan ekonomi dengan memperhitungkan suruhan-suruhan dan larangan-larangan Allah. Kegiatan-kegiatan ekonomi yang melibatkan barang-barang dan cara-cara yang diharamkan oleh Allah, walaupun mendatangkan keuntungan kewangan, tidak akan diceburinya kerana takutkan azab Allah di dunia dan lebih-lebih lagi di akhirat.

Barangan-barangan penggunaan atau “*consumer goods*” yang dicarinya ialah yang penggunaannya akan membawa kepada kebaikan *fizikal-moral-rohani* pengguna—kepada *al-Falah*. Barangan yang diharamkan seperti minuman keras, dadah, babi, patung-patung berhala tidak akan dijadikan objek-objek pemilikan atau perdagangan. Cara-cara mendapat harta atau keuntungan kewangan yang ditegah oleh Islam dijauhi, seperti semua jenis perjudian, pelacuran dan semua jenis penyalahgunaan seks untuk kepentingan ekonomi yang berlaku dalam pengiklanan, kelab-kelab malam, rumah urut, “*penthouse*” dan berbagai kegiatan menggalakkan pelancongan yang dilarang oleh Islam. Semua jenis rasuah dan tipu muslihat untuk mendapat keuntungan; sistem kredit yang berteraskan riba; semua jenis persaingan yang tidak adil termasuk monopoli barang-barang dagangan untuk menguasai pasaran secara tidak adil dan semua jenis pemerasan dan eksploitasi pihak pemodal terhadap para pengguna. Sistem nilai dan norma Islam bukan sahaja menghendaki supaya penganut-penganutnya menjauhi daripada cara-cara di atas; malah ia menuntut supaya cara-cara itu dibasmikan, selaras dengan norma Islam yang pokok iaitu *al-amr bi'l-ma'ruf wa'n-nahy 'an al-munkar*. Dalam pandangan Islam pihak yang berkuasa bertanggungjawab terlebih dahulu menghapuskan cara-cara yang tidak menjamin *al-Falah* itu.

Walau bagaimanapun orang-orang Islam dituntut mencari jalan untuk mencegah semua bentuk kemungkaran dan kezaliman dalam masyarakat. Di antara hadith Nabi mengenai kewajipan kemasyarakatan ini ialah:

- (i) *“Bila orang melihat seorang yang menzalimi orang lain dan tidak cuba mencegah kezaliman itu, besar kemungkinan yang Allah akan memasukkan semua orang ketika Ia menurunkan balasannya.”* (Abu Daud, *As-Sunan*, “*Kitab al-malahim: Bab al-amr wa'n-nahy*”).
- (ii) *“Sebuah masyarakat, yang di dalamnya terdapat sebahagian orang melakukan dosa tetapi yang lain tidak cuba mencegah perbuatan itu padahal mereka berupaya berbuat demikian, akan mengundang balasan Allah yang akan menimpa semua orang.”* (*Ibid.*)
- (iii) *“Allah tidak akan mengenakan azab-Nya kepada sesuatu kaum kerana kemungkaran-kemungkaran yang dilakukan oleh beberapa orang daripadanya, sehingga kaum itu menjadi acuh tak acuh dan tidak mencegah perbuatan orang-orang yang melakukan kemungkaran, walaupun ia berkuasa berbuat demikian.”* (Al-Khatib al-Umari, *Al-Mishkat*, “*Bab al-amr bi'l-ma'ruf*”).